PENGUMUMAN TRAFIK: PROJEK PENANG MUTIARA LINE (PML)

PENUTUPAN SEPARA LALUAN SECARA BERKALA JANGKA PANJANG DI JALAN SULTAN AZLAN SHAH (Jalan Sultan Azlan Shah)

16/08/2026

Tarikh	18/08/2026 - 31/10/2026
Masa	2200 malam – 0500 pagi
Tempoh	74 hari
Tujuan	PENGALIHAN UTILITI

Untuk makluman, penutupan separa laluan secara berkala jangka panjang di Jalan Sultan Azlan Shah (JSAS) dan Jalan Sungai Dua akan dilaksanakan dari 18 Ogos 2026 hingga 31 Oktober 2026. Tempoh penutupan adalah di antara 10:00 malam hingga 5:00 pagi. Pelan pengurusan trafik adalah seperti berikut:

Penutupan ini akan melibatkan:
1. Laluan paling kanan menghala ke arah KOMTAR, manakala laluan paling kanan dan laluan tengah menghala ke arah Bayan Lepas, di antara JPJ Batu Uban hingga ke persimpangan Sunny Point; dan
2. Laluan kanan di persimpangan Jalan Sungai Dua dan Jalan Sultan Azlan Shah, berhampiran Universiti Sains Malaysia (USM).

Walau bagaimanapun, laluan lain akan kekal dibuka untuk laluan trafik (Sila rujuk peta yang dilampirkan).

Penutupan ini diperlukan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja awalan bagi Projek Rapid Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang : Laluan Mutiara - Pakej CMC1 yang melibatkan kerja-kerja pengalihan utiliti.

Pengguna jalan raya dinasihatkan untuk berhati-hati ketika melalui kawasan ini. Papan tanda, kon-kon trafik dan pengawal bendera akan ditempatkan di lokasi berkenaan untuk membantu melancarkan kawalan trafik dan keselamatan pengguna kenderaan di laluan tersebut.

Kami memohon maaf di atas sebarang kesulitan.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi MRT Careline 1 800 88 6782 atau emel kepada feedback_pml@mymrt.com.my

